



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
(MALAYSIAN PALM OIL BOARD)**

**NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA**

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi perkara berikut :-

<b>NO. &amp; TAJUK SEBUT HARGA</b>	<b>TARIKH, MASA &amp; TEMPAT TAKLIMAT DAN PENGAMBILAN DOKUMEN</b>	<b>SYARAT PENDAFTARAN</b>
<b>MPOB(SH/ABBC)03/2024</b> <b>PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN MEMBINA PAGAR ELEKTRIK DI KAWASAN TAPAK SEMAIAN PENYELIDIKAN, STESEN PENYELIDIKAN MPOB KLUANG</b>	<b>Tarikh Taklimat Sebut Harga:</b> 18 November 2024 (Isnin)  <b>Masa :</b> 10.00 pagi  <b>Tempat :</b> Bilik Mesyuarat Gen Bank, Stesen Penyelidikan MPOB Kluang  <b>Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga:</b> 18 hingga 21 November 2024  <b>Masa:</b> 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari 2.00 petang hingga 4.00 petang  <b>Tempat:</b> Unit Kewangan & Perolehan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Stesen Penyelidikan MPOB Kluang KM 11, Jalan Johor Tenggara, 86009 Kluang, Johor. Tel: 607-789 1133	<b>Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang:</b>  <b>222104 :</b> Perkhidmatan Pertanian / Tanaman / Ladang / Taman /Hutan Dan Ladang Hutan;  <b>dan</b>  Sijil Pematuhan Cukai ( <i>Tax Compliance Certificate</i> )  <b>dan</b>  Sijil Pendaftaran Bumiputera (jika ada)

- Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma kepada syarikat-syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan** mulai **18 November 2024 (Isnin) sehingga 21 November 2024 (Khamis)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari atau dari 2.00 petang hingga 4.00 petang di alamat seperti jadual di atas.
- Hanya penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM sahaja yang boleh menandatangani dokumen sebut harga**, manakala untuk mengambil dokumen sebut harga, wakil sah syarikat dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. Sesalinan sijil pendaftaran di atas hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
- Syarikat juga dikehendaki untuk berdaftar sebagai pembekal/kontraktor MPOB yang sah melalui Portal Pendaftaran Pembekal MPOB dengan melayari laman sesawang <https://vendor.mpob.gov.my>.** Pendaftaran yang lengkap termasuk pembayaran pendaftaran hendaklah dijelaskan sebelum syarikat mengembalikan dokumen tawaran sebut harga pada tarikh tutup sebut harga yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila majukan pertanyaan kepada [perolehan@mpob.gov.my](mailto:perolehan@mpob.gov.my) atau hubungi di talian 03-87693948 (Pn. Nur Farahanis) /03-87694267 (Pn. Siti Khadijah).
- Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Unit Kewangan dan Perolehan, Kaunter Kewangan Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, KM11, Jalan Johor Tenggara, 86009 Kluang, Johor.**
- Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah pada **26 November 2024 (Selasa), pukul 12.00 tengah hari.** Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

**(Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan)**